

Sel Perhubungan Awam
Markas Tentera Laut
Kementarian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
Kuala Lumpur
Tel : 03-20713224
Fax : 03- 26912058
Portal : www.navy.mil.my
E-mail : pr_hq@navy.mil.my



Public Relation Department
RMN Headquarters
Ministry of Defence
Jalan Padang Tembak
Kuala Lumpur
Tel : 03-20713224
Fax : 03- 26912058
Portal : www.navy.mil.my
E-mail : pr_hq@navy.mil.my

MTL(SEK-PR)/3005 Jil.4- (85)

SIARAN MEDIA

TAC TLDM LEBIH DINAMIK DAN SIAGA

1. Tg Pengelih, 26 Okt 15 - YBhg Laksamana Muda Dato' Azhari bin Rashid, Panglima Wilayah Laut 1 selaku Ketua Gugus Tugas Tim Atur Cepat TLDM telah mempengerusikan mesyuarat bagi menilai perkembangan keselamatan maritim semasa dan merancang pendekatan yang paling relevan dan berkesan bagi merencana taktikal TAC TLDM dalam menangani ancaman jenayah maritim di Timur perairan Johor. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Panglima Pasukan Khas TLDM dan Panglima Udara TLDM yang menunjukkan komitmen pengurusan tertinggi TLDM dalam memastikan keselamatan maritim di perairan tersebut. Panglima Wilayah Laut 1, Panglima Pasukan Laut dan Panglima Udara TLDM turut mengambil kesempatan melawat Bilik Operasi dan melihat sendiri segala kelengkapan serta beramah mesra dengan anggota TAC TLDM.

2. Kumpulan penjenayah maritim amat licik dan sentiasa cuba mengambil peluang bagi melaksanakan kegiatan mereka. Perencanaan taktikal TAC TLDM perlu bersifat dinamik dan pendekatan yang paling efektif adalah penting bagi membendung kegiatan jenayah maritim ini. Selain itu, TAC TLDM juga turut bertanggungjawab membantu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan agensi kerajaan yang lain dalam menguatkuasakan undang-undang maritim di perairan Malaysia. Kerjasama kukuh di kalangan TLDM, APMM dan agensi yang lain amat penting bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan perairan Malaysia sentiasa terpelihara.

3. Sejak penubuhan TAC TLDM pada 17 Ogos 15, Tim ini telah berjaya mengekang kejadian rompakan kapal minyak yang sering berlaku di perairan

tersebut sebelum ini. TAC TLDM dilengkapi dengan 2 helikopter jenis Fennec dan Super Lynx, Bot Tempur laju CB90 dan Tim Gempur serta Penembakan Tepat Pasukan Khas Laut TLDM (PASKAL). Pegawai dan anggota TAC TLDM merupakan mereka yang terlatih dalam mengendalikan situasi kecemasan. TAC TLDM ini diletakkan pada kesiagaan tertinggi dan bersedia untuk diaturgerak dalam masa yang singkat pada bila-bila masa.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Pegawai PR	:	Lt Kdr Noorlida binti Rahaman TLDM
No Tel Pejabat	:	03-20713224
No Hp	:	013-5305012
Email	:	pr_mktl@yahoo.com.my
Portal Rasmi	:	www.navy.mil.my